

Demikianlah dengan perhubungan diantara Persekutuan dengan Negeri-negeri. Kewaiipan negeri-negeri kepada Persekutuan juga ada ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

11. Menteri Besar atau Ketua Menteri bertanggung-jawab terhadap pentadbiran dalam negeri masing-masing, serta dalam perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan sebagai tanggung-jawab negeri. Diatas landasan inilah, dan berasaskan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan, tiap-tiap negeri hendaklah bergerak maju bersama-sama dan sehaluan, sebagai sebuah negara yang bersatu-padu, bagi membawa keamanan, kemakmuran,